# Sinar Harian - Rakyat Mahu BR1M Diteruskan

Isnin, Feb 26 2018

# Rakyat mahu BR1M diteruskan

SH 26/2.



**Penerima BR1M Parlimen Pekan beratur ketika mengambil BR1M pada majlis penyampaian BR1M 2018 peringkat kebangsaan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah semalam.**

## *Bantuan ringankan beban memerlukan*

**PEKAN**

Kumpulan pertama yang menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) mengharap bantuan itu dapat diteruskan pada masa depan kerana ia banyak membantu meringankan beban mereka.

... saya gunakan untuk waktu-waktu kecemasan seperti biaya perubatan anak-anak jika mereka sakit," kata ibu tunggal itu ketika ditemui selepas menerima wang BR1M semalam.

Seramai 2,000 penduduk dari sekitar Parlimen Pekan menjadi penerima pertama BR1M yang disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Konvensyen Sultan Hj Ahmad Shah di sini.

Pengagihan fasa pertama BR1M pada tahun ini me-

mohonannya lulus.

"Saya berharap pemberian ini akan berterusan walaupun terdapat segelintir yang tidak menyokong dan melontarkan pelbagai kata-kata negatif termasuk dedak dan sebagainya," katanya yang bekerja sebagai pekerja am di sebuah syarikat swasta.

Seorang penerima warga emas pula, Maimun Alias, 60, berkata pemberian itu amat membantu golongan ibu tunggal seperti beliau.

"Orang macam mak cik ini dah tak ada tempat ber-

Seorang penerima Hayati Mohamad, 54, berkata selain untuk perbelanjaan, wang BR1M yang diterima selama ini turut dijadikan sebagai modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan di pasar malam.

"Walaupun bagi sesetengah orang bantuan yang diberikan ini hanya sedikit, namun amat bermakna bagi kami...dengan duit ini juga libatkan peruntukan sebanyak RM6.3 bilion untuk kira-kira tujuh juta penerima di seluruh negara yang akan dilakukan dalam tiga fasa.

Sementara itu, Mohamad Faiz Hakimi Abdul Rahim, 29, yang pertama kali memohon BR1M berkata kesukaran untuk memohon bantuan itu secara dalam talian tidak menghalangnya untuk terus mencuba sehingga pergantung, dengan bantuan BR1M yang diberikan dapat juga menampung sedikit bebanan dan ini juga menunjukkan kerajaan prihatin dengan rakyat. Mak cik memang setiap tahun dapat bantuan ini...terima kasih pada perdana menteri dan jika boleh kami amat mengharapkan agar jumlah bantuan ini dapat ditingkatkan," katanya. -*Bernama*

/